

07 APR 1999

Mahathir-Islam

TAFSIRAN SALAH HALANG KEMAJUAN UMAT ISLAM

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tafsiran yang salah mengenai Islam telah menghalang umat Islam daripada mencapai kemajuan dan bersaing dengan penganut agama lain.

Beliau berkata sepanjang sejarah Islam yang menjangkau 1400 tahun, terdapat banyak tafsiran yang salah mengenai agama itu.

"Orang Melayu beragama Islam, tetapi Islam mempunyai banyak tafsiran. Ahli politik Islam mentafsir Islam untuk menjadikannya alasan bagi apa yang dilakukan mereka. Ia boleh jadi salah," tulis Dr Mahathir dalam rencananya dalam akhbar Jepun, Mainichi Daily News, semalam.

Rencana Dr Mahathir dalam ruangan Pendapat/Analisis bertajuk "Analisis Dunia Dr Mahathir" diterbitkan pada hari Isnin pertama setiap bulan dalam edisi bahasa Jepun dan bahasa Inggeris di samping melalui internet.

"Mereka mahu melakukan sesuatu yang tidak selaras dengan Islam, tetapi bagi mendapatkan penerimaan orang ramai, mereka kata 'ini selaras dengan Islam.' Jika ia dilakukan oleh pemimpin agama, orang ramai cenderung untuk mempercayainya," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Islam telah memberi kekuatan kepada orang Arab ketika mereka mula-mula memeluk agama itu. Jadi, Islam bukanlah alasan kepada kemunduran umatnya.

Orang Islam menjadi mundur kemudiannya kerana Islam diberi tafsiran yang salah oleh kalangan yang mempunyai tujuan yang tersendiri.

"Jadi apa yang cuba kami lakukan di sini ialah untuk kembali kepada tafsiran yang tulen dan sebenar mengenai Islam, yang telah membolehkan bangsa Arab menjadi maju dan menubuhkan tamadun yang begitu agung," katanya.

Dr Mahathir juga menulis bahawa para penuntut hari ini beranggapan menjadi hak mereka untuk ke universiti tetapi tidak memikirkan mengenai tanggungjawab mereka untuk belajar.

Katanya masalah kini bukannya peluang untuk pelajar, tetapi hasrat seseorang sama ada mahu mendapatkan pendidikan yang lebih baik atau sebaliknya.

"Apabila saya melanjutkan pelajaran ke universiti di Singapura, saya dianggap sebagai seorang daripada penuntut yang paling bernasib baik di Malaysia. Pada ketika itu, sangat sedikit pelajar terutama di kalangan bumiputra yang dapat pergi ke universiti, dan sangat sedikit yang mendapat biasiswa, jadi saya bernasib baik mendapatnya," kata beliau.

Beliau berkata keadaan itu sudah berubah hari ini, memandangkan terdapat beribu-ribu biasiswa, sama di dalam atau di luar negara.

Dr Mahathir berkata sesetengah daripada penuntut itu terlibat dalam kegiatan yang memesongkan perhatian mereka daripada pelajaran, seperti politik atau demonstrasi atau berdebat bagaimana sesebuah negara harus ditadbir.

"Akibatnya, walaupun mereka mendapat peluang, mereka tidak memperolehi pendidikan pada tahap yang sepatutnya diperolehi mereka," katanya.

"Mereka ingat mereka tahu tentang cara sesebuah negara harus ditadbir. Saya tidak kisah jika penuntut berminat dalam politik, tetapi mereka tidak harus pergi ke universiti semata-mata untuk aktif dalam politik.

"Kita membelanjakan wang rakyat untuk memberi pendidikan kepada mereka. Jika wang yang diperuntukkan kepada pendidikan itu disia-siakan, ia adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan membelanjakan 20 peratus daripada belanjawan negara untuk pendidikan, melebihi apa yang diperuntukkan oleh mana-mana negara. Oleh itu tidak ada sebab sebenarnya bagi para penuntut untuk menentang kerajaan memandangkan harapan generasinya sudah dipenuhi.

"Kedudukan seseorang menteri pendidikan dalam kerajaan kami adalah sangat tinggi kerana kami berpendapat pendidikan merupakan cara untuk menggerakkan rakyat ke tahap yang lebih tinggi," kata beliau.

Perdana Menteri berkata jika negara mahu maju, maka rakyatnya hendaklah diberikan pendidikan.

-- BERNAMA

AR NMO